

Gelombang kedua landa kawasan rendah

RANTAU PANJANG – Walaupun hujan hanya renyai-renyai sepanjang hari semalam, tetapi gelombang kedua banjir mula melanda kawasan rendah sepanjang Sungai Golok kira-kira jam 2 petang semalam.

Antara kampung terlibat ialah Siram, Kubang Rambutan, Bagus, Kuala Itik, Degong, Kok Pauh, Bechah Kaki, Lubok Setol serta kampung yang berada di kawasan rendah sepanjang sungai Golok di laluan lama ke Rantau Panjang.

Sehingga jam 7 petang semalam, bacaan paras Sungai Golok dicatatkan 10.07 meter (m) iaitu berada pada paras bahaya.

Bagaimanapun, belum ada penduduk berpindah ke pusat pemindahan tetapi sudah bersedia sedia berpindah jika aras Sungai Golok meningkat mendadak pada sebelah malam.

Sebahagian besar kediaman penduduk di kampung terlibat ditenggelami air dari 0.03 m hingga satu meter.

Difahamkan, bencana ini berpunca daripada hujan lebat di kawasan hulu Kelantan serta pelepasan air Empangan Sukhirin, di negara jiran.

Pengerusi Pertubuhan Penduduk Rantau Panjang, Mat Bastaman Hamat berkata, penduduk setempat terkejut mendapati paras air meningkat mendadak petang semalam memandangkan hujan tidak lebat sepertimana gelombang banjir terdahulu.



Kawasan rendah sepanjang Sungai Golok mulai ditenggelami air.

Menurutnya, kemungkinan besar air Empangan Sukhirin dilepaskan sehingga menyebabkan paras Sungai Golok naik mendadak.

“Jika hujan lebat berterusan saya yakin malam ini penduduk yang tinggal sepanjang Sungai Golok perlu bersedia sedia berpindah.

“Setakat ini belum ada pihak berpindah, tetapi saya mewakili penduduk amat berharap pihak bertanggungjawab lebih peka dan kerap

membuat rondaan di kawasan sering ditenggelami air,” katanya.

Sementara itu, jalan Rantau Panjang ke Panglima Bayu tidak dapat dilalui kenderaan ringan berikutan jalan di Kubang Rambutan dinaiki air. Jalan ke Chenerai melalui Sekolah kebangsaan Kedai Tanjong juga tidak dapat dilalui kenderaan ringan.

Dalam pada itu, walaupun cuaca kembali baik, mangsa banjir melibatkan dua daerah di Kota Bharu dan

“Kemungkinan besar air Empangan Sukhirin dilepaskan sehingga menyebabkan paras Sungai Golok Naik secara mendadak.”

Mat Bastaman

Pasir Puteh kekal seramai 26 orang.

Menurut portal rasmi Kerajaan Negeri, sehingga 6 petang semalam, seramai empat mangsa di Kota Bharu masih ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Tiong, Pendek. Manakala lima keluarga melibatkan 22 mangsa di Gong Keding, Pasir Puteh ditempatkan di pusat pemindahan Sekolah Bukit Awang.

Paras air Sungai Golok di Rantau Panjang kini melebihi paras bahaya iaitu 10.06 m (bahaya 9.00 m) manakala di Jenob, bacaan air turut melebihi paras berjaga-jaga iaitu 22.33 m (paras berjaga-jaga 21.50 m).

Sungai Kelantan di Tangga Krai, Jambatan Guillemard dan Tambatan Diraja berada dalam bacaan berjaga-jaga manakala Sungai Lebir di Tualang, Sungai Galas di Dabong dan Sungai Semerak di Pasir Putih berada di paras normal.

Hanya satu jalan utama di Pasir Mas ke Pohon Tanjung-Rantau Panjang ditutup kepada kenderaan ringan dan jalan-jalan utama di daerah lain dibuka seperti biasa kepada laluan orang ramai.